

**Kesusasteraan Sebagai  
Wahana Mengajar Kemahiran Berfikir Aras Tinggi**

*Oleh:*

N. S. Rajendran, Ph.D.  
Bahagian Pendidikan Guru  
Kementerian Pendidikan Malaysia

**Abstrak:**

Pengajaran dan Pembelajaran bahasa boleh dijadikan wahana yang berkesan untuk mengajar kemahiran berfikir aras tinggi. Kesusasteraan menawarkan peluang untuk membimbing pelajar meramal, merumus, menganalisis, membuat inferens, membuat keputusan dan menyelesaikan masalah yang merupakan kemahiran berfikir aras tinggi. Di antara strategi yang berkesan untuk membolehkan pelajar menguasai kemahiran berfikir aras tinggi adalah dengan memberikan masalah yang mencabar, membimbing pelajar memanipulasi maklumat untuk menyelesaikan masalah dan menyokong usaha pelajar mencuba sesuatu yang baru. Selain dari ini, pelajar juga perlu diberi peluang memainkan peranan yang aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Guru yang mengajar kesusasteraan harus mempunyai beberapa ciri seperti memilih dan menggunakan bahan sastera yang sesuai, peka terhadap minat dan keperluan pelajar, sanggup melibatkan pelajar secara aktif dan bersedia membawa wacana kelas mencapai aras tinggi. Kertas kerja ini akan membincangkan potensi komponen kesusasteraan sebagai wahana mengajar kemahiran berfikir aras tinggi dengan memberi contoh yang konkret. Dalam konteks ini, perkara berhubung ilmu pengetahuan, kemahiran dan sikap guru, dan wacana di bilik darjah akan dibincangkan. Kertas kerja ini juga akan mengemukakan taksonomi yang sesuai digunakan untuk mengajar kesusasteraan dengan tujuan meningkatkan kemahiran berfikir pelajar. Data untuk kertas kerja ini dikumpulkan melalui penyelidikan tentang pengajaran dan pembelajaran kemahiran berfikir aras tinggi di kelas bahasa.

---

Kertas kerja ini dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan Penyelidikan Dan Pembangunan Dalam Pendidikan 2000 bertemakan "Penyelidikan Ke arah Inovasi Dalam Pedagogi" anjuran Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan pada 3 dan 4 Oktober, 2000 di Malaysian Airlines Academy, Kelana Jaya. Sila hantar ulasan dan komen kepada nsrajendran@hotmail.com

## Pengenalan

Mengikut 4 tonggak pendidikan yang digariskan oleh UNESCO (Report to UNESCO of the International Commission on Education for the Twenty-First Century Learning: The Treasure Within, 1996) pendidikan bertujuan mengajar pelajar: belajar untuk mengetahui; belajar untuk membuat; belajar untuk hidup bersama; dan belajar menjadi insan bersama. Tujuan pendidikan yang telah digariskan oleh UNESCO ini jelas menunjukkan bahawa pendidikan perlu memberi pendedahan yang menyeluruh kepada pelajar supaya yang dihasilkan adalah insan yang seimbang dari segi intelek, jasmani, emosi dan rohani seperti yang dituntut oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Tujuan Pendidikan pada umumnya adalah untuk memberi ilmu dan kemahiran kepada individu supaya mereka dapat menggunakan ilmu dan kemahiran tersebut untuk menyempurnakan pelbagai tugas dalam kehidupan sehari-hari. Namun demikian, tujuan mendidik generasi muda telah berubah dari generasi kepada generasi mengikut keperluan semasa. Keperluan ini ditentukan oleh kemajuan yang dicapai dalam pelbagai bidang. Bidang pendidikan dikehendaki mengajar ilmu dan kemahiran yang diperlukan selaras dengan perkembangan yang berlaku dalam bidang-bidang tersebut.

Sejak kira-kira dua abad yang lalu para pendidik di seluruh dunia telah banyak berfikir tentang mengajar kemahiran berfikir (Sternberg dan Spear-Swerling, 1996). Membantu pelajar menguasai kemahiran mencari ilmu dengan sendiri dan meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi kini sudah menjadi salah satu daripada objektif pemantapan program pendidikan. Kemahiran berfikir aras tinggi bermaksud terdapat ciri-ciri perluasan pemikiran semasa seseorang diperlukan untuk menginterpretasi, menganalisis, ataupun memanipulasi maklumat. Ini berlaku kerana persoalan yang perlu dijawab ataupun satu masalah yang perlu dicari penyelesaiannya tidak boleh diselesaikan dengan mengaplikasikan secara rutin ilmu yang sedia ada (Onosko dan Newmann, 1994). Seseorang juga berkemampuan membuat kesimpulan, membuat inferens dan generalisasi. Selain dari ini, individu juga mendapat peluang membuat ramalan, mencadangkan penyelesaian, mengenal pasti dan menyelesaikan masalah dan membuat keputusan.

Malaysia tidak terkecuali dalam menetapkan objektif ini. Di Malaysia, kemahiran berfikir yang diperlukan oleh pelajar untuk memanipulasi idea dan perasaan yang terkandung di dalam teks yang mereka baca sedang diberi keutamaan (Indramalar, 1997a, Julai 6). Sistem pendidikan dikemaskini dari semasa ke semasa untuk meningkatkan pengajaran dan pembelajaran pemikiran analitik dan rasional (Indramalar, 1997b, September). Demi mencapai objektif menghasilkan pelajar yang mempunyai kemahiran berfikir Kementerian Pendidikan telah memperkenalkan Program Pengajaran Kemahiran Berfikir secara formal di sekolah dan maktab perguruan sejak tahun 1992 (Rajendran, 1998).

Fokus kertas kerja ini adalah untuk membincangkan pengajaran kemahiran berfikir melalui mata pelajaran. Lebih khusus lagi, kertas kerja ini akan mengkaji kemungkinan menggunakan komponen kesusastraan sebagai wahana mengajar kemahiran berfikir aras tinggi. Kertas kerja ini akan juga mencadangkan strategi dan teknik yang boleh digunakan untuk

meningkatkan pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi melalui kesusasteraan. Cadangan aktiviti pengajaran dan pembelajaran berdasarkan bahan kesusasteraan yang boleh membantu pelajar menguasai kemahiran berfikir aras tinggi juga dikemukakan. Taksonomi yang sesuai digunakan untuk mengajar kemahiran berfikir aras tinggi melalui kesusasteraan dicadangkan dalam kertas kerja ini.

### Perkaitan Di Antara Pengajaran Bahasa Dan Sastera Dengan Pengajaran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi.

Kebolehan berbahasa dan berfikir seseorang individu saling bantu membantu (Block, 1993). Kedua-duanya menyokong proses pembelajaran yang bermakna. Kuantiti dan kualiti pemikiran pelajar boleh dipertingkatkan dengan membolehkan pelajar menggunakan bahasa dengan berkesan. Pemikiran yang sementara dan mentah boleh berubah menjadi prinsip-prinsip dan skema yang kekal melalui proses penggunaan komponen bahasa: mendengar; bertutur; membaca; dan menulis.

Lebih khusus lagi, pengajaran kesusasteraan mempunyai perkaitan yang rapat dengan pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi. Sebenarnya terdapat pihak yang mencadangkan bahawa jika kesusasteraan diajar dengan berkesan untuk mencapai tujuan sebenarnya maka sudah wujud pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi. Sebaliknya, terdapat pihak yang mencadangkan bahawa kesusasteraan, seperti mata pelajaran lain, perlu diajar dengan memberi penekanan yang secukupnya kepada meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi pelajar. Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan bahawa pengajaran kesusasteraan masih belum menerima perhatian yang secukupnya dalam konteks pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi.

Pengajaran dan pembelajaran kesusasteraan perlu diberi perhatian yang sewajarnya kerana kini komponen kesusasteraan telah dinaikkan tarafnya. Baru-baru ini pengajaran dan pembelajaran kesusasteraan Melayu dimasukkan ke dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu sekolah menengah bagi memastikan pendidikan bahasa dapat menjadi penyalur ilmu, fikiran dan perasaan sesuatu bangsa. Kesusasteraan Melayu telah dijadikan sebagai komponen wajib dalam mata pelajaran bahasa Melayu bagi menambahkan keberkesanannya pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.

Mengajar kesusasteraan atau menggunakan bahan sastera dalam pengajaran ialah proses memandu pelajar untuk berhibur, mentafsir dan menilai kehidupan dan fenomenanya. Karya sastera yang baik dan indah dapat meluaskan pandangan dan tinjauan di samping membina dan menyuburkan ‘rasa ingin tahu’ terhadap sesuatu fenomena (Mohd. Kassim Ismail, 1994). Kesusasteraan juga dapat membina dan menyuburkan wawasan terhadap perlakuan manusia. Komponen kesusasteraan boleh dijadikan alat mengajar bahasa dengan berkesan dan bermakna kepada pelajar kerana kesusasteraan merupakan wahana yang menghubungkan pelajar dengan dunia luarnya. Wahana ini boleh dijadikan wacana yang berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa. Mengikut Langar (1995), ‘...literature is considered as a way to guide students into the cultural knowledge (construed broadly or narrowly), aesthetic judgments, and high culture of society).

Di samping itu, kesusasteraan juga boleh menjadi wahana yang berkesan untuk mengajar kemahiran berfikir aras tinggi. Kesusasteraan menawarkan pelbagai wacana yang boleh digunakan untuk mengajar kemahiran berfikir aras tinggi. Kesusasteraan mengandungi pelbagai model proses menyelesaikan masalah yang dapat digunakan oleh guru sastera. Apa yang penting ialah pengajaran yang menekankan penyebatian kemahiran berfikir aras tinggi perlu menjadi aktiviti utama proses pengajaran dan pembelajaran. Mengikut Beck (1989),

'Reading and language arts are the perfect vehicle for developing higher-order thinking because literature – perhaps more than any other source of information – provides powerful models of problem-solving processes. It is full of characters who engage in effective and ineffective attempts at solving problems, who use incisive or fuzzy reasoning, and who rely on adequate or inadequate evidence... What is needed is to move the activities that involve higher-order thinking into the core of our lessons, to move our concern toward developing higher level thinking into the mainstream instruction (muka surat, 680, 682)

Walau bagaimanapun, pada umumnya peranan kesusasteraan yang menawarkan pelbagai wacana yang kaya dengan model penyelesaian masalah kurang dieksplorasi dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran berfikir aras tinggi setakat ini. Menurut Langer (1991) 'literature's role in the development of the sharp and literate mind – its role in reasoning and higher literacy – is generally ignored' (muka surat, 211). Maka itu, perlu terdapat usaha eksplisit untuk menggunakan kesusasteraan sebagai wahana yang berkesan untuk mengajar kemahiran berfikir aras tinggi.

### Strategi dan Teknik Mengajar Yang Boleh Membantu Dalam Pengajaran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Melalui Sastera

Perkins (1992) yang telah mengkaji amalan dalam bidang pendidikan mencadangkan bahawa guru perlu memahami proses pembelajaran seperti penerangan dan membuat generalisasi serta menggunakan contoh atau analogi, jika mengajar kemahiran berfikir menjadi salah satu objektif pengajaran. Selain dari ini pelbagai kajian yang telah dijalankan mencadangkan bahawa peningkatan dalam pembentukan imej mental dan pemikiran visual, teknik menyelesaikan masalah, kaedah menerangkan sesuatu, membuktikan adakah sesuatu itu wajar ('justification') dan membina dan menggunakan soalan yang bermutu tinggi adalah di antara beberapa pendekatan dan teknik yang boleh digunakan oleh seseorang guru dalam mengajar kemahiran berfikir (Perkins, 1992; Rajendran, 1998).

Strategi dan teknik yang digunakan menentukan adakah pengajaran dan pembelajaran kemahiran berfikir aras tinggi berkesan atau tidak. Dalam konteks ini, Sternberg dan Martin (1988) dalam kajian mereka telah mendapati hanya sebahagian kecil yang berlaku di dalam bilik darjah membantu pelajar secara langsung menguasai kemahiran berfikir aras tinggi. Selain dari ini, satu daripada sebab strategi pengajaran perlu diberi perhatian

serius adalah kerana guru sebenarnya menentukan satu model peranan kepada pelajar dengan memilih strategi tertentu (Sternberg dan Spear-Swerling, 1996). Guru seharusnya memberi perhatian kepada beberapa aspek dalam perancangan, pengendalian dan penilaian pengajaran untuk memastikan bahawa pelajar dapat menguasai kemahiran berfikir aras tinggi. Dalam konteks ini, guru mempunyai pelbagai strategi dan teknik yang boleh digunakan untuk mengajar kemahiran berfikir aras tinggi melalui kesusasteraan dengan berkesan.

### Perkara-perkara yang perlu diberi perhatian

#### Pengetahuan Dan Kemahiran Guru Untuk Mengajar Kemahiran Berfikir

Kajian menunjukkan bahawa guru tidak menekankan komponen kemahiran berfikir aras tinggi dan jarang menyediakan peluang bagi pelajar menguasai kemahiran berfikir jika guru kurang yakin dari segi pengetahuan dan kemahiran mengajar kemahiran berfikir (Rajendran, 1998). Maka guru perlu didedahkan dengan secukupnya dari segi pengetahuan dan kemahiran mengajar di dalam kesusasteraan dan kemahiran berfikir. Guru yang mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam bidang kesusasteraan akan membawa pengajaran di dalam kelas ke tahap yang lebih tinggi yang mendorong pelajar-pelajar melalui proses pemikiran aras tinggi (Cohen, 1991). Komponen kesusasteraan menawarkan pelbagai peluang kepada guru untuk mewujudkan wacana menyelesaikan masalah, membuat keputusan, membuat inferens, mencadangkan idea baru dan menilai sesuatu tindakan. Kesemua aktiviti ini mempunyai ciri-ciri kemahiran berfikir aras tinggi.

#### Pemilihan Teks

Pemilihan teks perlu diberi perhatian jika kesusasteraan hendak dijadikan wahana mengajar kemahiran berfikir aras tinggi. Teks yang boleh dipilih dari pelbagai genre seperti cerpen, novel, sajak dan drama perlulah memberi peluang kepada guru dan pelajar melalui proses-proses pemikiran aras tinggi. Teks ini juga perlu berkaitan dengan kehidupan pelajar supaya ia membawa makna kepada pelajar. Dalam bentuk apa sekalipun, sastera adalah rakaman tentang pengalaman-pengalaman dan imaginasi manusia dari pelbagai zaman yang terus pula mencerna pemikiran dan rasa ingin tahu manusia yang tidak kering-keringnya (Mohd. Kassim Ismail, 1994). Hanya bila wacana terkandung dalam teks yang dibaca mempunyai hubungan dengan kehidupannya pelajar dapat menggunakan pengalaman yang diterima melalui genre tersebut untuk membina makna. Inilah merupakan intisari teori konstruktivisme yang banyak ditekankan pada masa kini. Selain dari ini, pelajar juga akan menolak sesuatu pengajaran jika teks yang dibaca itu tidak mencabar dan menarik (Rajendran, 1998).

#### Taksonomi Untuk Mengajar Kemahiran Berfikir Aras Tinggi

Taksonomi membantu guru dalam memilih objektif dan menyediakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Guru sering bergantung kepada pelbagai taksonomi yang telah dikemukakan. Dalam konteks ini, taksonomi yang paling popular digunakan guru ialah taksonomi Bloom (1956) yang mengandungi enam aras kognitif. Guru sering menghadapi masalah menentukan aras sesuatu soalan dan hasil pembelajaran. Ini adalah kerana enam aras ini ada kalanya mengongkong dan tidak memberikan kebebasan kepada guru untuk menentukan aras aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Guru boleh memilih dan menggunakan taksonomi yang memberikan kebebasan kepada mereka menentukan aras sesuatu aktiviti. Satu daripada taksonomi yang sesuai digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa dan sastera ialah taksonomi yang mengemukakan hanya dua aras: pemikiran aras rendah; dan pemikiran aras tinggi (Onsoko dan Newmann, 1994; Rajendran, 1998, Sila rujuk Lampiran I; dan Jadual 1, 2, 3).

### Penglibatan Pelajar Yang Aktif Dalam Bilik Darjah

Penglibatan pelajar yang aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran menjadi perkara yang tersangat penting dalam usaha mengajar kemahiran berfikir aras tinggi melalui pengajaran kesusasteraan. Malah Costa (1985) mencadangkan bahawa pelajar perlu diberi peluang membuat keputusan menentukan apa yang mereka belajar jika pemikiran aras tinggi, pemikiran kreatif dan kemahiran menyelesaikan masalah menjadi objektif pengajaran dan pembelajaran. Pelajar perlulah dilatih mengambil peranan dalam menentukan objektif, mewujudkan wacana, menentukan tindakan motivasi, analitik dan inferens yang dinamakan ‘literasi tinggi’ (high literacy) (Bereiter dan Scardamalia, 1987). Dalam pengajaran kesusasteraan pelajar perlu diberi peluang membaca, menganalisis, mensintesis, membuat keputusan dan menyelesaikan masalah. Komponen kesusasteraan menawarkan peluang yang baik bagi menjalankan aktiviti yang mengandungi kemahiran tersebut.

### Strategi Dan Teknik Yang Boleh Digunakan

Seseorang guru kesusasteraan perlu sentiasa menentukan bahawa aktiviti pengajaran dan pembelajaran kesusasteraan bukan sahaja menarik tetapi mencabar dan berkesan ke arah membina ketrampilan bahasa dan berbahasa, meluaskan pengetahuan, mewujudkan kesedaran tentang perlunya nilai-nilai yang baik sebagai amalan hidup serta mampu mengembangkan kebolehan pemikiran aras tinggi pelajar. Strategi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan perlu dipilih dan digunakan untuk mencapai objektif tersebut. Pemilihan strategi memainkan peranan yang penting dalam menentukan kejayaan pengajaran dan pembelajaran (Sternberg dan Spear-Swerling, 1996). Guru harus peka terhadap objektif pengajaran dan pembelajaran, pengetahuan sedia ada pada pelajar, minat pelajar, kemudahan resos dan kemahiran yang hendak diajar semasa memilih strategi pengajaran dan pembelajaran. Rajendran (1998) mendapati strategi penyelesaian masalah, walaupun berkesan dalam pengajaran dan

pembelajaran bahasa, jarang digunakan di dalam kelas oleh guru bahasa. Dalam konteks ini, terdapat beberapa strategi dan teknik yang boleh digunakan oleh guru kesusasteraan untuk mengajar kesusasteraan dan kemahiran berfikir aras tinggi.

#### Soalan Terbuka ('Open-ended questions')

Soalan terbuka membuka peluang kepada pelajar meninjau dan mengkaji sesuatu isu secara mendalam. Soalan-soalan ini juga memberikan peluang kepada pelajar menggunakan pengalaman yang sedia ada pada mereka untuk menyelesaikan masalah yang terdapat dalam genre sastera, mencadangkan penyelesaian dan mengaitkan isu dan pengalaman dalam genre sastera dengan kehidupan mereka sendiri. Soalan terbuka tidak mengongkong pemikiran pelajar seperti yang dilakukan oleh soalan pelbagai pilihan dan yang lebih penting lagi ialah soalan terbuka tidak melatih pelajar sentiasa mencari satu jawapan betul.

#### Teknik Penyoalan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa teknik menyoal boleh digunakan dengan berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran kesusasteraan untuk mengajar kemahiran berfikir aras tinggi. Soalan aras tinggi dapat meningkatkan pemikiran aras tinggi pelajar (Redfield dan Rousseau, 1981). Walau bagaimanapun, Rajendran (1998) mendapati kebanyakan soalan yang dikemukakan oleh guru dalam kajiannya adalah di aras rendah (muka surat 218).

#### Perbincangan

Perbincangan dalam kumpulan adalah strategi yang berkesan yang boleh digunakan oleh guru untuk mengajar kemahiran berfikir aras tinggi melalui pengajaran dan pembelajaran kesusasteraan. Strategi ini memberikan peluang kepada pelajar membincangkan pelbagai isu atau persoalan yang terdapat dalam genre sastera dan mencari penyelesaian. Mereka juga menjelaskan nilai, meninjau isu kontroversial dan membentuk dan mempertahankan pendirian melalui perbincangan.

#### Metakognisi

Metakognisi membawa maksud proses seseorang menilai pemikirannya sendiri. Proses metakognisi menilai kebolehan seseorang menentukan apa yang diketahuinya dan apa yang tidak diketahuinya. Tambahan pula, metakognisi menjadikan seseorang lebih sedar tentang langkah-langkah dan strategi yang digunakan dalam proses penyelesaian masalah. Strategi ini sangat sesuai digunakan khususnya dalam mengajar cerpen, novel, drama dan sajak.

#### Pengurusan Grafik

Penggunaan pengurusan grafik dalam pengajaran dan pembelajaran membantu pelajar menyusun proses pemikirannya. Pengurusan grafik membantu pelajar melalui langkah-langkah asas yang terdapat bagi menguasai sesuatu kemahiran dengan cara yang teratur. Selain dari ini, pengurusan grafik juga menimbulkan satu keperluan yang jelas untuk mengetahui kandungan mata pelajaran dan menilai apa yang sudah diketahui dan apa yang belum diketahui. Pengurusan grafik ini boleh digunakan oleh guru kesusasteraan dengan berkesan untuk mengajar kemahiran berfikir aras tinggi.

### Kaedah Penyelesaian Masalah

Kaedah penyelesaian masalah adalah di antara kaedah yang paling berkesan yang dapat digunakan oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa. Kaedah ini juga boleh digunakan dengan berkesan oleh guru sastera. Malangnya kaedah ini, walaupun sangat berkesan, jarang digunakan oleh guru di dalam pengajaran dan pembelajaran (Rajendran, 1998). Guru kesusasteraan boleh menggunakan kaedah ini untuk membolehkan pelajar mengkaji sesuatu wacana yang mencabar dan mencari penyelesaian baginya. Dalam proses ini, pelajar-pelajar akan meninjau situasi secara kritis, membuat rumusan, menghasilkan cadangan asli dan berusaha menyelesaikan masalah berdasarkan proses tertentu.

### Cadangan Strategi, Teknik dan Aktiviti

Seorang guru kesusasteraan perlu peka terhadap keperluan memilih strategi dan aktiviti yang sesuai untuk membawa wacana dalam kelas ke aras tinggi. Wacana akan mamastikan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas tidak sekadar membincangkan pelbagai aspek dalam genre sastera di peringkat aras rendah. Malah perbincangan akan dibawa kepada aras yang membolehkan pelajar menguasai pemikiran aras tinggi. Hampir semua aktiviti yang dikendalikan di dalam bilik darjah boleh dibawa ke aras tinggi jika guru berusaha memilih strategi dan aktiviti yang sesuai. Di bawah ini dicadangkan beberapa aktiviti yang boleh dikendalikan dalam pengajaran dan pembelajaran kesusasteraan di mana pelajar mempunyai peluang menguasai kemahiran berfikir aras tinggi.

Jadual 1: Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Berfikir

<b>Taksonomi Bloom</b>	<b>KB Aras Tinggi dan Aras Rendah</b>	<b>Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran</b>
Pengetahuan	Kemahiran Berfikir Aras Rendah	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menamakan watak-watak yang memainkan peranan</li> <li>Menyatakan sinopsis cerpen atau novel</li> <li>Memberi maksud daksi</li> <li>Menyatakan persoalan yang terkandung dalam sajak</li> </ul>
Kefahaman		
Applikasi	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perbandingan metafora, personifikasi dan simile</li> <li>Membuat inferens tentang tindakan atau keputusan</li> <li>Membuat penilaian tentang nilai yang dibawa dalam genre sastera</li> <li>Mengaitkan tindakan dan keputusan yang terdapat dengan kehidupan sendiri</li> <li>Membuat generalisasi tentang tindakan.</li> <li>Mencadangkan penyelesaian terhadap masalah atau isu yang dihadapi</li> </ul>
Analisis		
Sintesis		
Penilaian		

Jadual 1 menunjukkan bahawa guru mempunyai pelbagai peluang untuk membawa wacana di dalam kelas ke aras tinggi. Guru dapat mengatur pelbagai aktiviti dengan menggunakan pelbagai genre sastera seperti yang dicadangkan. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna kemahiran berfikir aras rendah sama sekali tidak penting. Apa yang perlu digalakkan ialah guru mengatur dan mengendalikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang memberi peluang kepada pelajar menguasai kemahiran berfikir aras tinggi. Pada masa kini, kebanyakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah secara umumnya adalah di peringkat aras rendah (Sternberg dan Martin, 1988; Rajendran, 1998). Jadual 2 di bawah menunjukkan bagaimana satu genre sastera iaitu teks ucapan (Rujuk Lampiran II) boleh digunakan untuk mengajar kemahiran berfikir aras tinggi. Jadual 3 dan 4 pula menunjukkan bagaimana satu lagi genre sastera, iaitu sajak (Rujuk Lampiran III) boleh digunakan untuk mengajar kemahiran berfikir aras tinggi.

Contoh Pertama (Rujuk Lampiran II)  
Teks Ucapan Usman Awang

Jadual 2: Soalan kefahaman yang boleh diberi kepada pelajar

<b>Soalan</b>	<b>Proses Pemikiran</b>
1. Apakah reaksi keseluruhan anda tentang petikan ini?	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menganalisis</li> <li>• Mengaplikasi</li> </ul>
2. Apakah maksud ‘Adakah saya melakukan sesuatu kesalahan...’ ?	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membuat inferens</li> <li>• Menginterpretasi dan menganalisis</li> </ul>
3. Bagaimanakah Usman Awang mentafsirkan penghormatan yang diterimanya?	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membuat generalisasi</li> <li>• Menilai pendapat secara kritis</li> </ul>
4. Adakah munasabah tafsiran Usman Awang terhadap penghormatan yang diberikannya?	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menilai dan menginterpretasi keputusan</li> <li>• Menyatakan pendapat</li> </ul>
5. Apakah perkaitan tafsiran Usman Awang dengan personaliti anda?	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengaitkan pengalaman dengan kehidupan sendiri</li> <li>• Membuat keputusan</li> </ul>

Contoh Kedua (Rujuk Lampiran III)  
**Sajak – Jalan-Jalan Raya Kotaku (Karya Zam Ismail)**

Jadual 3: Soalan kefahaman yang boleh diberi kepada pelajar

<b>Soalan</b>	<b>Proses Pemikiran</b>
1. Apakah maksud penyajak seperti yang digambarkan dalam ‘kesombongan merajai setiap ruang?’	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menginterpretasi</li> <li>• Menilai pendapat</li> </ul>
2. Adakah munasabah penyajak mengatakan ‘mengakis sopan santun seperti banjir kilat’? Mengapa?	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengkaji pendapat atau tindakan secara kritis</li> <li>• Membuat keputusan</li> </ul>
3. Bersetujukah anda ‘jalan-jalan raya kotaku adalah gelanggang kebuasan perlumbaan kebiadaban?’	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membuat rumusan</li> <li>• Membuat keputusan</li> </ul>
4. Sila beri ulasan anda terhadap pendapat penyajak bahawa ‘Kemanusiaan semakin mandul pada penghujung musim’?	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Melahirkan pendapat peribadi</li> <li>• Menyelesaikan masalah berkaitan dengan kehidupan seharian</li> </ul>
5. Mengapakah berlaku situasi yang digambarkan oleh penyajak di jalan-jalan raya?	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengkaji dan menilai situasi secara kritis</li> <li>• Mencadangkan penyelesaian</li> </ul>
6. Apakah cadangan anda tentang langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengatasi masalah ini?	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membuat generalisasi</li> <li>• Membuat keputusan</li> <li>• Mencadangkan penyelesaian</li> </ul>

Jadual 4: Perbandingan metafora, personifikasi dan simile.

Metafora	Personifikasi	Simile
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Gelanggang kebuasan</li> <li>• Perlumbaan kebiadaban</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Gerimis <u>menabur</u> benih</li> <li>• <u>Menerima</u> kehadiran manusia</li> <li>• Kebosanan <u>menggigit</u></li> <li>• Kesombongan <u>merajai</u></li> <li>• Kemanusiaan semakin <u>mandul</u></li> <li>• Memacu menghimpun kekuatan</li> <li>• <u>Menghakis</u> sopan snatun</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <u>Seperti</u> banjir kilat</li> </ul>

### Rumusan

Keberkesanan pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi melalui pengajaran kesusasteraan bergantung kepada tiga faktor utama: guru, pendekatan yang digunakan; dan bahan yang dipilih. Guru harus mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk mengajar kesusasteraan dan kemahiran berfikir aras tinggi. Guru juga harus peka terhadap keperluan mengajar kemahiran berfikir. Pendekatan yang digunakan oleh guru harus memastikan bahawa terdapat penglibatan pelajar yang aktif di mana pelajar mempunyai peluang yang cukup untuk melalui proses pemikiran aras tinggi. Taksonomi yang menawarkan kebebasan ini harus digunakan. Selain dari ini, teks yang dipilih juga harus mencabar pemikiran pelajar supaya pelajar boleh menilai maklumat secara kritis dan mencadangkan idea dan penyelesaian baru secara kreatif. Kesusasteraan menawarkan wacana yang kaya dengan pelbagai isu dan persoalan yang boleh dieksplorasi oleh guru untuk mengajar kemahiran berfikir aras tinggi. Guru mata pelajaran kesusasteraan harus peka terhadap perkara yang berkaitan dengan pengajaran kesusasteraan dan mempunyai iltizam untuk menggunakan kesusasteraan sebagai wahana untuk mengajar kemahiran berfikir aras tinggi.

### Rujukan:

- Beck, I. (1989). Reading and reasoning. *The Reading Teacher*, 42 (9), 676-684
- Bereiter, C., & Scardamalia, M. (1987). An attainable version of high literacy: Approaches to teaching high-order skills in reading and writing, *Curriculum Inquiry*, 17:1, 9-30
- Block, C. C. (1993). *Teaching the language arts: Expanding thinking through student-centered instruction*. Boston: Allyn and Bacon
- Bloom, B. S., Englehart, M. D., Furst, E. J., Hill, W. H. & Krathwohl, D. R. (Eds.). (1956). *Taxonomy of educational objectives: The classification of educational goals. Handbook 1: Cognitive domain*. New York: David McKay.
- Cohen, D. K., et al., (1991). A revolution in one classroom: The case of Mrs.Oublier, *Educational Evaluation and Policy Analysis*.Vol.12. No.3, pp.327-345.
- Costa, Art. (1985). Toward a model of human intellectual functioning. In A. L. Costa (Ed.). *Developing minds: A resource book for teaching thinking* (pp. 62-65). Alexandria, VA: Association for Supervision and Curriculum Development.
- Indramalar, S. (1997a, July 6). Develop thinking skills, students urged. *The Star*, p.3.
- Indramalar, S. (1997b, September 3). Bangsa Malaysia 'the only way.' *The Star*, p.4.
- Langer, Judith, A. (1995). Literature and learning to think. *Journal of Curriculum and Supervision*. Spring 1995, Vol.10, No. 3, 207-226
- Langer, Judith, A. (1991). Literacy and schooling: A sociocognitive perspective, In Hiebert Elfrieda, (Ed.), *Literacy for a diverse society: Perspectives, practices and policies*, New York: Teachers College Press.
- Mohd. Kassim Ismail. (1994). Pengajaran bahasa dalam sastera dan pengajaran sastera dalam bahasa. *Jurnal Pendidikan Bahasa*, Bil. 6
- Onosko, J. J. & Newmann, F. M. (1994). Creating more thoughtful learning environments, In J.N.Mangieri & C.C. Block (Eds.). *Creating powerful thinking in teachers and students: Diverse perspectives*. Fort Worth: Harcourt Brace College Publishers.
- Perkins, D. N. (1992). *Smart Schools: From training memories to educating minds*, New York: The Free Press.
- Rajendran, Nagappan. (1998). *Teaching higher-order thinking skills in language classrooms: The need for transformation of teaching practice*. Unpublished doctoral dissertation, Michigan State University, East Lansing, MI: Michigan State University
- Redfield, D. L. & Rousseau, E. W. (1981). A meta-analysis of experimental research on teacher questioning behavior. *Review of Educational Research*. 51, pp.237-245.
- Sternberg, R. & Martin, M. (1988). When teaching thinking does not work, what goes wrong?, *Teachers College Record*, Vol.89., N.4.
- Sternberg, R. & Spear-Swerling, L. (1996). *Teaching for thinking*. Washington, D.C.: American Psychological Association.

## Lampiran II

Demikianlah di peringkat usia setengah abad ini saya dikejutkan oleh berbagai-bagai penghormatan yang bagaikan tiba-tiba bertimpa datangnya. Timbul pertanyaan aneh. Adakah saya melakukan sesuatu kesalahan, atau barangkali sesuatu kesilapan? Tidakkah lagi saya pembicara bagi golongan miskin tertindas? Adakah ini tanda kelumpuhan saya? Atau, mungkinkah kerana saya mengalami masalah darah tinggi dan masalah jantung, maka sesuatu harus diberikan kepada saya sebelum darah berhenti mengalir dan jantung tidak lagi berdegup?

(Dipetik daripada Ucapan Sasterawan Negara Usman Awang Dalam Majlis Penerimaan Anugerah Sastera Negara di Dewan Bankuet, Bangunan Parlimen pada 7 Disember 1983).

Lampiran III

## JALAN-JALAN RAYA KOTAKU

Saban waktu sepanjang perjalanan  
jalan-jalan raya kotaku  
lewat senja begini  
tika gerimis menabur benih  
menerima kehadiran warga kota  
lemas dalam kesabaran  
lelah meresahkan  
dengan luka parah di hati.

Ketidaksabaran membengkak  
kesombongan merajai setiap ruang  
semakin padat dengan emosi  
kebosanan menggigit pangkal rasa.

Demikian etika di perjalanan  
budi luhur warga kotaku  
tidak lagi berlaku  
yang hadir adalah keserakahan  
memacu menghimpun kekuatan  
menghakis sopan santun  
seperti banjir kilat  
melanda pinggir perjalanan  
fitrah sang manusia  
peradaban kota masa kini.

Jalan-jalan raya kotaku  
adalah gelanggang kebuasan  
perlumbaan kebiadaban  
para pesakit  
kemanusiaan semakin mandul  
pada penghujung musim.

Zam Ismail  
Kasut Hitler, 1996  
Mingguan Malaysia, 4 Jun 1995.  
(Daripada ‘Anak Laut’ – Antologi Kesusastraan Melayu Sekolah Menengah, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000)